

WASPADA TERHADAP PENGKOMERSIALAN RUQYAH AI-QURAN, PELIHARA AKIDAH

Oleh: JHEAINS

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

وَلَا تَشْتَرُوا بِعَهْدِ اللَّهِ ثَمَنًا قَلِيلًا إِنَّمَا عِنْدَ اللَّهِ هُوَ خَيْرٌ لَّكُمْ إِن كُنْتُمْ تَعْلَمُونَ ﴿١٥﴾
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ
وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى الْهَادِي الْبَشِيرِ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ
اهْتَدَى بِهُدَاهُمْ عَلَى الدَّوَامِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

KAUM MUSLIMIN RAHIMAKUMULLAH,

Sebaik-baik bekalan menuju akhirat adalah sifat takwa kepada Allah SWT. Oleh itu, marilah kita bertakwa kepada Allah SWT dengan mengerjakan segala titah perintah-Nya dan menjauhi segala yang dilarang-Nya. Sesungguhnya Allah SWT beserta orang-orang yang bertakwa, dan orang-orang yang berusaha memperbaiki amalannya.

JEMAAH JUMAAT YANG BERBAHAGIA,

Daripada Abu Hurairah RA, bahawasanya Rasulullah SAW telah bersabda: *“Bersegeralah kamu beramal sebelum menemui fitnah (ujian berat terhadap iman) seumpama malam yang sangat gelap. Seseorang yang masih beriman di waktu pagi kemudian di waktu petang, dia sudah menjadi kafir atau seorang yang masih beriman di waktu petang kemudian pada esok harinya, dia sudah menjadi kafir. Dia menjual agamanya dengan sedikit dari mata benda dunia.”* (HR Muslim).

Melalui Hadith tersebut, Rasulullah SAW memberi ingatan kepada kita bahawa ujian terhadap iman di akhir zaman ini amat dasyat dan hebat sekali. Sehingga, seorang yang beriman di waktu pagi boleh tiba-tiba menjadi kafir di waktu petang. Begitu pula sebaliknya, seorang yang masih beriman pada waktu petang boleh tiba-tiba menjadi kafir pada keesokan harinya. Ia adalah akibat daripada kegairahan untuk mengejar keuntungan dunia berupa harta benda, pangkat, nama, sanjungan dan sebagainya sehingga tergamak mencemarkan akidah.

Salah satu contoh yang memperlihatkan fenomena ini ialah menjual produk-produk perniagaan yang kononnya telah diruqyah atau dibacakan dengan ayat-ayat suci al-Quran. Antara produk berkenaan dalam pasaran termasuklah air penawar penyakit dan bahan makanan suplemen untuk cerdas dan sihat. Dan didapati, produk-produk yang dikatakan telah dibacakan al-Quran ini dijual dengan harga yang lebih mahal dan tinggi berbanding produk-produk lain yang tidak diruqyah tetapi mempunyai khasiat yang sama.

HADIRIN MUSLIMIN YANG DIMULIAKAN ALLAH SWT,

Fenomena yang seakan bagai cendawan tumbuh selepas hujan ini menimbulkan berbagai persoalan kepada pelanggan. Antaranya:

Pertama, adakah benar produk-produk berkenaan telah diruqyah atau dibacakan dengan ayat-ayat al-Quran?

Kedua, apakah ayat-ayat itu dibacakan oleh orang atau menerusi gajet elektronik seperti pemain MP3, CD, DVD dan sebagainya?

Ketiga, apakah muslihat peniaga atau pengusaha berkenaan melabelkan produk mereka telah diruqyah dengan ayat-ayat al-Quran?

Keempat, sudahkah dibuktikan secara klinikal keberkesanan produk-produk berkenaan?

Persoalan-persoalan ini diajukan bukan bertujuan meragui keberkatan dan kemustajaban al-Quran sebagai ubat serta penawar segala penyakit batin dan jasmani. Jauh sekali menafikan hak mana-mana pihak meruqyah atau menjampi produk-produk perniagaannya dengan ayat-ayat suci al-Quran.

Ini kerana, kitab suci al-Quran itu banyak keistimewaan dan besar fadilatnya bagi manusia terutama sekali mereka yang membacanya, memahaminya, mematuhi dan mengamalkan segala ajarannya. Ini sebagaimana dijelaskan oleh Allah SWT dalam firman-Nya:

يَأْتِيهَا النَّاسُ قَدْ جَاءَتْكُمْ مَوْعِظَةٌ مِّن رَّبِّكُمْ وَشِفَاءٌ لِّمَا فِي الصُّدُورِ وَهُدًى وَرَحْمَةٌ لِّلْمُؤْمِنِينَ ﴿٥٧﴾

Yang bermaksud: *“Wahai umat manusia! Sesungguhnya telah datang kepada kamu al-Quran yang menjadi nasihat pengajaran dari Tuhan kamu, dan yang menjadi penawar bagi penyakit-penyakit batin yang ada di dalam dada kamu, dan juga menjadi hidayah petunjuk untuk keselamatan, serta membawa rahmat bagi orang-orang yang beriman.”* (S. Yunus: 57).

JEMAAH JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SWT,

Bertitik tolak dari keistimewaan dan fadilat al-Quran yang banyak itu, adalah amat tidak wajar ia disalahgunakan untuk mengaburi atau mengelirukan orang ramai demi mengejar keuntungan material. Apatah lagi mempergunakan al-Quran untuk tujuan komersial dan melariskan barangan kerana ia seolah-olah memberi jaminan akan kemujaraban, kesembuhan, kesihatan dan sebagainya. Dengan kata lain, selagi belum terbukti secara sahih keberkesanannya, maka mengkomersialkannya secara melampau adalah dikira syubhah yang membawa penipuan.

Andai kata keadaan kesihatan seseorang itu tidak juga berubah atau bertambah teruk lagi setelah meminum atau memakan produk yang dikatakan telah diruqyah itu, tidakkah itu menimbulkan fitnah terhadap kitab suci al-Quran? Tetapi sekiranya seseorang itu bertambah sihat, cergas dan bertenaga setelah mengambil produk-produk yang dikatakan telah diruqyah itu, maka itu adalah atas izin Allah jua kerana Dia Yang Maha Berkuasa, lagi Maha mengasihani ke atas sekalian hamba-Nya.

Yang pasti, dalam menangani masalah kesihatan rohani, jasmani, mental mahupun emosi tidak akan selesai dengan membeli atau mengambil air atau produk yang telah diruqyah yang ada di pasaran. Setiap pesakit atau sesiapaupun mesti berusaha memperbaiki akidah bahawa Allah SWT yang menyembuhkan bukan bahan dan ruqyah itu. Inilah antara sebabnya dalam konsep perubatan Islam, ia memerlukan perawat dan pesakit bersemuka untuk mengenal pasti penyakit dan cara merawatnya. Kaedah ini secara langsung membolehkan perawat memberi nasihat dan tunjuk ajar kepada pesakit sekali gus membolehkan doa yang dibaca oleh perawat didengar dan diamin bersama oleh pesakit.

MUSLIMIN RAHIMAKUMULLAH,

Pengkomersialan air jampi kini telah dieksploitasi oleh sesetengah pihak untuk memperolehi keuntungan mudah melaluinya. Perkara ini dibimbangi boleh menjejaskan akidah apabila orang ramai terutama sekali umat Islam menganggap keberkesanan sesuatu usaha tersebut datang daripada air jampi berkenaan. Malahan ia mendedahkan kepada penghinaan oleh pesaing dan juga mendedahkan al-Quran dikritik oleh pengguna akibat tidak sembuh atau tidak capai manfaat hebat yang dijanjikan penjual.

Firman Allah SWT:

وَلَا تَشْتَرُوا بِعَهْدِ اللَّهِ ثَمَنًا قَلِيلًا إِنَّمَا عِنْدَ اللَّهِ هُوَ خَيْرٌ لَّكُمْ إِن كُنْتُمْ تَعْلَمُونَ ﴿٩٥﴾

Maksudnya: *“Dan janganlah engkau jadikan pesanan-pesanan dan perintah Allah sebagai modal untuk mendapat keuntungan dunia yang sedikit; sesungguhnya apa yang ada di sisi Allah (dari balasan yang baik), itulah sahaja yang lebih baik bagi kamu, kalaulah kamu mengetahui.”* (S. An-Nahl: 95).

Sehubungan dengan mafhum firman Allah SWT tersebut, kita tidak mahu masyarakat terkeliru dan pada masa yang sama perlu menyedari hakikat bahawa untuk sembuh dan sihat tiada jalan pintas. Cara terbaik adalah dengan menyedari dan meyakini bahawa Allah menurunkan penyakit dan kepadanya jualah tempat berdoa memohon kesembuhan serta dijauhi segala jenis penyakit dan godaan syaitan yang direjam.

SAUDARA JEMAAH YANG DIKASIHI ALLAH SWT,

Hakikatnya, tidak dapat dinafikan yang al-Quran itu adalah satu daripada penawar dan ubat, namun prasyarat kesembuhan dari bacaan al-Quran terletak pada niat, keikhlasan dan kesolehan perawat serta doa khusus perawat yang didasari dengan keizinan Allah SWT. Oleh hal yang demikian, penjualan serta pengkomersialan air yang telah diruqyah dengan bacaan al-Quran seharusnya dibendung. Ini kerana, usaha itu dikhuatiri boleh memudaratkan akidah umat Islam dan mencemarkan kesucian, kebenaran dan kemuliaan al-Quran. Ini boleh berlaku bilamana masyarakat menganggap serta mempercayai air itu sebagai ajaib seumpama tangkal.

Dalam pada itu, dibimbangi juga kegairahan masyarakat kepada produk-produk yang diruqyah akan mendorong tauke-tauke bukan Islam membuat produk seumpamanya dengan jumlah lebih besar hatta memperdaya pengguna Muslim. Ini tentunya menuntut pihak berkuasa yang berkenaan melakukan pemantauan serta pemeriksaan yang lebih kerap ke atas penjual produk-produk yang dikatakan telah diruqyah dengan bacaan al-Quran tersebut. Pemantauan dan pemeriksaan yang berterusan dari pihak berkuasa akan sedikit sebanyak dapat menutup ruang perbuatan mengelirukan dan merosakkan akidah umat Islam di negara ini.

Daripada Abu Abdullah an-Nu'man bin Basyir r.a katanya: Aku mendengar Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: “Sesungguhnya yang halal itu jelas dan yang haram (itu pun) jelas dan di antara kedua-duanya (terdapat) perkara-perkara yang syubhat, ramai di kalangan manusia tidak mengetahuinya. Sesiapa yang menjaga dirinya daripada perkara syubhat, (maka) dia telah membersihkan agama dan kehormatannya. Dan sesiapa yang terjatuh ke dalam perkara-perkara yang syubhat, dia akan jatuh kepada perkara yang haram.” (HR Bukhari dan Muslim).

Sehubungan itu, kita sebagai pengguna perlu sentiasa berhati-hati dan berhemah dalam membeli apa jua produk gunaan harian. Ia sebagai langkah memastikan apa juga yang kita gunakan bersih dari unsur-unsur yang bercanggah dengan syariah.

وَالْعَصْرِ ﴿١﴾ إِنَّ الْإِنْسَانَ لَفِي خُسْرٍ ﴿٢﴾ إِلَّا الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ وَتَوَاصَوْا بِالْحَقِّ وَتَوَاصَوْا بِالصَّبْرِ ﴿٣﴾

(S. Al-As: 1-3)

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ وَاسْتَغْفِرُ اللَّهُ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِينَ



Diedar oleh:
Bahagian Penyelidikan dan Informasi
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

NOTA: Teks khutbah ini mengandungi potongan ayat-ayat al-Quran dan Hadith Rasulullah SAW. Mohon jaga dengan cermat dan tidak disepahkan.